

**Rang undang-undang tubuh Jawatankuasa etika hakim dibentang
Malaysiakini.com
Dec 15, 2008**

Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008 yang bertujuan untuk membolehkan Jawatankuasa Etika Hakim ditubuhkan bagi bertindak terhadap hakim yang melanggar Kod Etika Hakim 2008 dibentang di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama hari ini.

Rang undang-undang itu, yang dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz, menetapkan bahawa mana-mana hakim yang melakukan pelanggaran itu boleh dirujuk ke jawatankuasa berkenaan jika Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa pelanggaran itu tidak mewajarkan hakim itu dirujuk kepada suatu tribunal yang dilantik di bawah Fasal (4) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, lapor Bernama.

Jawatankuasa berkenaan mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang berhubungan dengan tatakelakuan dan tatatertib semua hakim selain pemecatan seseorang hakim daripada jawatannya di bawah Fasal (3) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Hakim merujuk kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan termasuk Pesuruhjaya Kehakiman.

Jawatankuasa berkenaan akan dikendalikan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sebagai pengerusi manakala keanggotaannya hendaklah dalam bilangan ganjil serta terdiri daripada individu yang memegang jawatan atau yang pernah memegang jawatan sebagai Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah

Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Tinggi sebagai mana yang difikirkan patut oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan untuk dilantik.

Bagaimanapun prosiding jawatankuasa hendaklah dibuat secara tertutup kerana ia bukanlah suatu perbicaraan tetapi suatu siasatan mengenai pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika yang dilakukan oleh seseorang hakim yang dirujuk kepadanya oleh Ketua Hakim Negara.

Keputusan jawatankuasa adalah berdasarkan keputusan majoriti dan ia hendaklah muktamad dan konklusif, tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

Tidak ada mana-mana mahkamah juga boleh mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau menentukan apa-apa guaman, permohonan, persoalan atau prosiding atas apa-apa alasan tentang kesahan keputusan jawatankuasa berkenaan.

Terdahulu Mohd Nazri turut membacakan untuk pertama kali Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008, manakala Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Noh Omar mengemukakan Rang Undang-Undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008, juga untuk bacaan kali pertama.

Dalam persidangan hari ini, sesi soal jawab tidak diadakan bagi memberi laluan kepada anggota dewan membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia 2008.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/94870>